



# KULIAH *Khas* MAGHRIB bersama

## Al Habib Ali Zaenal Abidin Bin Abu Bakar Al Hamid

- Tarikh: 29 November 2016 (Selasa)
- Masa: 7.30 pm – 8.30 pm
- Tempat: Masjid UMP Kampus Gambang

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi : Us. Ku Aminuddin (013-2687824) SEMUA DI JEMPUT HADIR



TERBITAN: PUSAT ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN

EDISI : 16/2016



TARIKH : 25 November 2016 / 25 Safar 1438H

# SINAR JUMAAT

## PELITA KHALIFAH: (CAHAYA YANG TELAH DIAMANAHKAN)

negara. Sementara perkara yang akan

kita bincangkan adalah urusan keluarga," jelas Umar.

Umar kemudian meminta pembantunya mengambil lampu dari ruang dalam.

Pada suatu malam, Umar bin Abdul Aziz sibuk menyiapkan sejumlah tugas di ruang kerja istananya. Ketika sedang tekun melakukan kerja, puteranya masuk ke ruang kerja tersebut dan ingin memberikarakan sesuatu.

"Untuk urusan apa puteraku datang ke sini, urusan negara atau keluarga?" tanya Umar.  
"Urusan keluarga, ayahanda," jawab si anak.

Tiba-tiba Umar mematikan lampu pelita di atas mejanya. Suasana sekeliling menjadi gelap.

"Kenapa ayah memadamkan lampu itu?" tanya putranya kehairanan.  
"Puteraku, lampu yang sedang ayah gunakan untuk bekerja ini milik negara. Minyak yang digunakan juga dibeli dengan wang

**yang akan kita bincangkan adalah urusan keluarga."**

Inilah kisah seorang hamba Allah yang telah dilantik menjadi Khalifah ke lima. Sikap tanggungjawabnya yang amat menitikberatkan persoalan amanah dan hak tidak mampu diperlihatkan jika diri tiada keimanan dan ketaqwaan yang jitu kepada Allah. Beliau sedar bahawa setiap perkara akan disoal kembali olehNYA.

Rasulullah SAW mengingatkan kepada kita tentang amanah yang disalah guna dan disia-siakan sebagaimana sabdanya, yang bermaksud:

"Apabila sesuatu amanah itu disalahgunakan (disia-siakan), maka tunggulah saat kehancuran. Para sahabat bertanya: Bagaimana amanah itu disalahgunakan wahai Rasulullah? Baginda menjawab: Iaitu

**"Puteraku, lampu yang sedang ayah gunakan untuk bekerja ini milik negara. Minyak yang digunakan juga dibeli dengan wang negara. Sementara perkara**



## UMRAH

JADUAL PENERBANGAN  
TARIKH BERLEPAS 18.12.2016  
TARIKH BALIK 29.12.2016  
8 MALAM DI MAKKAH 3 MALAM DI MADINAH



HARGA SEBILIK	
PESAWAT MAS	BERDUA RM7650 SEORANG
CHATER AIRBUS 380	BERTIGA RM7050 SEORANG
SEKTOR KUL/MED - MED/KUL	BEREMPAT RM6650 SEORANG

MAKLUMAT LANJUT HUBUNGI:  
DR. MOHAMMED HILMI - 013 928 7274  
PN. NOR HIDAYAH - 013 925 6927 (UMP PEKAN)  
PN. HAFIZAH - 012 984 8565 (UMP GAMBANG)  
CIK HASLINDA - 010 917 6563 (UMP GAMBANG)



Pusat Kesihatan  
Universiti Malaysia Pahang



- ✓ Gotong-royong Perdana
- ✓ Pertandingan Keceriaan Rumah
- ✓ Kempen Penjimatan Elektrik
- ✓ Kempen Cegah Denggi



@kotej kediaman 2

## RAKHINE DIGEMPUR TENTERA MYANMAR, HAMPIR 70 TERKORBAN

**YANGON:** Pasukan keselamatan Myanmar telah membunuh hampir 70 orang semenjak menguasai utara daerah Rakhine semenjak bulan lalu, kata pihak tentera, namun menjelaskan bahawa laporan media mengenai kemusnahan besar-besaran di kawasan tersebut sebagai berita palsu.

Angkatan tentera telah menguasai tanah di sepanjang sempadan Bangladesh, kawasan yang merupakan pusat bagi minoriti Islam Rohingya semenjak insiden serangan di pos sempadan polis pada 9 Oktober.

Perselisihan tersebut berlarutan semenjak sebulan lalu apabila tentera telah mengorbankan lebih 30 orang dan menyaksikan penggunaan senjata atas helikopter buat

pertama kalinya.

Pemburuan tersebut telah menjadikan jumlah korban sebanyak 69 Rohingya dan 234 lagi ditahan antara 9 Oktober hingga 14 November, menurut sebuah catatan Facebook oleh pejabat tentera pada lewat Isnin.

Kawalan ketat terhadap capaian maklumat kepada kawasan tersebut menyebabkan wartawan dan pemerhati sukar untuk mengesahkan laporan kerajaan atau dakwaan mengenai penyelewengan kuasa ketenteraan.

GLOBAL



ADDIN



## 1. DALIL PENSYARIATAN QUNUT NAZILAH

Daripada Anas bin Malik RA, mafhumnya: **"Bahawa Bani Ri'lin, Zakwan, Usaiyah dan Bani Lahyan pernah meminta pertolongan dari Rasulullah SAW untuk menghadapi musuh mereka. Maka baginda menghantar bantuan seramai 70 orang sahabat dari golongan Ansar. Kami menamakan mereka sebagai al-Qurra, mereka dahulunya mengedarkan makanan untuk orang-orang yang memerlukan pada siang hari dan banyak menunaikan solat pada malam hari. Sehingga mereka sampai di**

**Bi'ri Ma'unah, tiba-tiba mereka di bunuh dan dikhanati oleh kabilah-kabilah berkenaan.**

**Apabila berita itu sampai kepada Nabi SAW, baginda membaca qunut (Nazilah) selama sebulan dan berdoa dalam solat Subuh untuk dikenakan balasan ke atas jenayah dan pengkhianatan Bani Ri'lin, Zakwan, 'Usayyah dan Bani Lahyan."** (HR al-Bukhari)

FOKUS  
IBADAH

# QUNUT NAZILAH

## PENDUDUK ISLAM AS MULA BIMBANG

**WASHINGTON - AS.** Panggilan telefon automatik atau robocall yang bertanya tentang pegangan agama telah mencetuskan kebimbangan dalam kalangan penduduk Islam di Amerika Syarikat (AS) yang mula khuatir dengan program pengawasan di bawah pentadbiran Presiden baharu, Donald Trump.

Media tempatan melaporkan panggilan dibuat awal minggu lalu dikendalikan kumpulan bukan berasaskan keuntungan, Emerge USA yang bertujuan melakukan tinjauan selepas pasca Pilihan Raya Presiden AS.

Kebanyakan penduduk Islam yang menerima panggilan itu memuat naik pengala-

man di media sosial.

Menurut salah seorang daripada penduduk Islam di Philadelphia yang enggan identitinya didedahkan, panggilan automatik itu memintanya menekan 'ya' jika orang Islam dan 'tidak' jika sebaliknya.

Sebelum ini, Trump ketika hangat berkempen pernah mencadangkan langkah pengawasan terhadap orang Islam di AS kononnya memerangi keganasan tempatan yang turut mencetuskan bantahan banyak pihak kerana melanggar hak Perlembagaan.

Sementara itu, hasil kaji selidik oleh Southern Poverty Law Center mendapati lebih 700 jenayah kebencian termasuk 50 insiden anti-Islam dilaporkan sejak kemenangan mengejutkan jutawan hartanah terbabit pada 8 November lalu. - nydailynews

## 2. PANDUAN QUNUT NAZILAH

- Boleh melakukan Qunut Nazilah dalam semua solat Fardhu.
- Qunut Nazilah dilakukan dalam rakaat yang terakhir, selepas Ruku'.
- Dilakkan supaya tidak memanjangkan Qunut Nazilah.
- Qunut Nazilah dilakukan ketika berlaku bencana dan ditinggalkan setelah bencana hilang.
- Tidak terdapat sighah khusus untuk qunut nazilah.
- Sunat di "Jahar" kan bacaan qunut.
- Sunat makmum mengaminkan doa qunut nazilah oleh Imam.
- Sunat mengangkat tangan ketika berqunut nazilah.

